

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KELIMA  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA : YB TUAN SIM TZE TZIN ( BAYAN BARU )**

**TARIKH : 15 MAC 2022 (SELASA)**

**SOALAN NO. 42**

**TUAN SIM TZE TZIN [ BAYAN BARU ]** minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan bagaimanakah pihak Malaysia Airport Berhad (MAB) memindahkan SJKC Chung San yang bersejarah yang terjejas akibat Projek Pembesaran Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang. Bagaimanakah MAB membantu pemindahan dan pembinaan sekolah baru untuk sekolah tersebut.

**JAWAPAN:**

**Tuan Yang Dipertua,**

1. Kementerian Pengangkutan (MOT) melalui suratnya bertarikh 4 Januari 2022 kepada pihak sekolah telah memaklumkan hasrat Kerajaan untuk membuat pengambilan tanah tapak SJKC Chung Shan bagi tujuan pembesaran Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang (LTAPP).
2. Selanjutnya, MOT bersama pihak MAHB telah mengadakan perbincangan awal pada 11 Januari 2022 dengan wakil Lembaga Pengurusan Sekolah (LPS) SJKC Chung Shan berhubung cadangan pengambilan tanah sekolah untuk projek pembesaran LTAPP. Perbincangan tersebut turut disertai oleh wakil Pejabat Ketua Menteri Pulau Pinang dan wakil Pejabat Tanah Daerah Barat Daya Pulau Pinang.
3. Berdasarkan perbincangan tersebut, wakil Kerajaan Negeri Pulau Pinang telah memaklumkan tentang cadangan lokasi baharu iaitu di Lot 8011, Mukim 12, Daerah Barat Daya sebagai tapak ganti sekolah yang baharu bagi tujuan pemindahan SJKC Chung Shan. Dalam hubungan ini, LPS SJKC Chung Shan telah diminta untuk membuat keputusan dan seterusnya memaklukkannya secara rasmi kepada Pejabat Ketua Menteri Pulau Pinang untuk tindakan sewajarnya.
4. Pihak MOT dan MAHB akan mengadakan perbincangan lanjut dengan wakil Pejabat Ketua Menteri Pulau Pinang, Pejabat Tanah Daerah Barat Daya Pulau Pinang dan Jabatan Pendidikan Negeri Pulau Pinang untuk memperincikan proses pengambilan tanah setelah menerima persetujuan bertulis daripada Lembaga Pengurusan Sekolah (LPS) berhubung cadangan lokasi baharu tersebut. Setelah itu, perbincangan mengenai cadangan pemindahan dan pembinaan sekolah akan turut dibincangkan dengan Kerajaan Negeri Pulau Pinang dan agensi-agensi yang terlibat.

Sekian, terima kasih.